



HARGAI JASA WIRA SOSIAL SEJATI

Impak kepada laporan oleh pihak media di negara ini dianggap bukan sahaja mampu membangunkan sesebuah negara tetapi secara senyap bertindak bagi api di dalam sekam sehingga mampu menjatuhkan kawan mahupun lawan, demikian menurut Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) ketika menyampaikan ucapan di majlis KUKUM Bersama Media pada 29 Julai 2005 lalu.



"Awam membaca, mendengar dan melihat. Awam juga ketawa, gembira, suka, sugul, pilu, muram, takut, seram dan menangis bersama-sama helaian kertas yang dibaca dan visual yang ditatapi. Betapa hebatnya kuasa sang wartawan walaupun kata-kata sinis dan keji adakalanya singgah sebentar di telinga mereka ketika berhadapan dengan orang ramai yang kurang arif tentang kerjaya sebenar seorang wartawan"



Majlis yang bertemakan: "Tautan Kasih, Jalinan Mesra" itu diadakan bagi menghargai jasa dan sumbangan para pengamal media dan ia telah berlangsung di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur. Majlis telah turut diserikan dengan keberangkatan DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis yang juga Canselor KUKUM, wakil-wakil media cetak dan elektronik, wakil-wakil industri dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti serta jemputan lain seramai lebih kurang 200 orang.



Prof. Dato' Dr. Kamarudin berkata, sumbangan para pengamal media di negara ini bukan sahaja mencakupi dunia pendidikan malah di dalam segenap cabang dan disiplin kehidupan. Ia meliputi sukan, politik, ekonomi, hiburan, pelancongan, teknologi, sains, kesihatan dan sebagainya. Laporan media itu bukan sahaja berkaitan dengan apa yang sedang dan akan berlaku di negara ini malah menjelajah hingga ke peringkat antarabangsa.

Kami ingin meraikan sahabat-sahabat media yang tidak pernah jemu-jemu memberikan publisiti secara berterusan kepada KUKUM tanpa sebarang obligasi. Dari lubuk hati penuh keikhlasan, saya amat terharu dan terhutang budi kepada pihak media. Publisiti dan laporan berkaitan kejayaan, pencapaian akademik dan aktiviti yang telah diberikan selama ini sangat bermakna dan banyak membantu mempopularkan KUKUM, "ujar beliau yang menyifatkan kerjaya wartawan sebagai wira atau pejuang sosial sejati.

Di majlis yang sama juga, beliau amat berharap hubungan yang mesra serta kerjasama yang erat di antara KUKUM dengan pihak media akan dapat diteruskan di masa-masa akan datang. KUKUM sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang paling bongsu di negara ini amat memerlukan publisiti bagi merealisasikan misi serta visinya sebagai penyumbang kepada ketamadunan dunia serta menjadi institusi akademik dan penyelidikan bertaraf dunia bagi menjana pemimpin terbilang negara. Justeru itu sebarang cadangan dan komentar dari pihak media bagi proses penambahbaikan dan kemajuan universiti ini amat dialu-alukan.

